

NO. SOALAN: 18

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN [TEMERLOH]

TARIKH : 06.04.2017 [KHAMIS]

SOALAN : 18

Tuan Haji Nasrudin Bin Hassan [Temerloh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan mengkaji semula penubuhan jawatankuasa Ombudsman bagi menangani gejala salah laku dikalangan penjawat awam yang semakin berleluasa.

JAWAPAN: **YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tidak bercadang mengkaji semula penubuhan jawatankuasa Ombudsman bagi menangani gejala salah laku dikalangan penjawat awam kerana perkara ini ditangani oleh jawatankuasa/lembaga tatatertib agensi/jabatan/kementerian masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN
MALEK [KUALA PILAH]**

TARIKH : 6.4.2017 (KHAMIS)

SOALAN : 19

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sejauh manakah usaha dan langkah yang diambil oleh pihak Kementerian bagi memastikan peniaga bumiputera di MARA Digital yang menceburi bidang teknologi terbela dan dapat bersaing dengan peniaga lain yang lebih besar dan berpengalaman.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, MARA Digital diwujudkan bertujuan untuk memberi peluang dan ruang kepada usahawan Bumiputera menceburkan diri dalam industri ICT. MARA Digital juga berperanan sebagai sebuah hab perniagaan ICT dan alternatif terbaik dalam penawaran barang ICT, termasuk gajet serta perkhidmatan digital lain bagi keperluan pengguna. MARA telah mewujudkan dua (2) MARA Digital yang terletak di Menara MARA, Kuala Lumpur dan Anggerik Mall, Shah Alam.

Selaras dengan usaha bagi memastikan usahawan Bumiputera kekal dan terus bersaing secara sihat, MARA menyediakan kemudahan kepada usahawan seperti khidmat runding cara, kemudahan pembiayaan perniagaan, kemudahan sewa premis perniagaan dan platform pemasaran agar perniagaan mereka terus berkembang dengan lebih pesat. MARA telah menyediakan ruang niaga berkonsepkan digital dengan kadar sewa yang berpatutan kepada

usahawan-usahawan yang terlibat dengan program MARA Digital ini.

Selain itu program promosi dan aktiviti pemasaran bagi tujuan hebahan sentiasa dilakukan bagi menarik lebih ramai pelanggan berkunjung ke MARA Digital. Antara aktiviti yang dijalankan dalam membantu mempromosikan MARA Digital adalah penghasilan video pendek bagi tujuan komersial, LED Signage, iklan di badan bas (Rapid KL), penganjuran Sukan Extreme Basikal iaitu Down Mall Race yang telah diadakan di dalam bangunan Menara MARA sempena ulang tahun pertama MARA Digital Disember tahun lalu, penganjuran FIFA'17 Gaming Tournament, ekspo dan lain-lain.